



BADAN BERTINDAK IMUNISASI COVID-19
COVID-19 Immunisation Task Force (CITF)

**PENJELASAN PERUNTUKAN RM70 JUTA BAGI PEMBANGUNAN
SISTEM INTEGRASI DATA DAN JANJI TEMU**

Dalam kenyataan media yang dikeluarkan semalam, saya telah memberikan pecahan peruntukan RM5 bilion bagi pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). Terdapat persoalan yang dibangkitkan menerusi media sosial iaitu peruntukan sebanyak RM70 juta bagi perkara/item Integrasi Data dan Sistem Janji Temu.

Saya ingin menjelaskan bahawa peruntukan bagi perkara/item ini adalah melibatkan integrasi dan pembangunan sistem pengantara bagi memudahkan proses pendaftaran penerima vaksin serta pemantauan bekalan vaksin dari penerimaan sehingga selesai vaksinasi dos lengkap di setiap Pusat Pemberian Vaksin (PPV). Antara sistem yang akan dibangunkan adalah:

- i. pengurusan dan pemantauan pencapaian PICK;
- ii. pembangunan dashboard pelaporan harian PICK;
- iii. integrasi sistem bagi menghubungkan pangkalan data MySejahtera dengan sistem sedia ada farmasi KKM;
- iv. pembangunan sistem *Chatbot*;

- v. pembangunan Laman Portal Pendaftaran Vaksin;
- vi. sistem pengesanan pendaftaran dan vaksinasi serta pembangunan perkhidmatan Google Map (*tracking system*) di dalam MySejahtera;
- vii. pembangunan sistem *genomic surveillance* dan sistem *immunisation surveillance*;
- viii. perolehan sistem pengurusan *Queue Mobile* untuk PPV;
- ix. integrasi sistem pasport digital dalam MySejahtera;
- x. sistem pengurusan logistik dan rangkaian penghantaran vaksin;
- xi. pengendalian pusat panggilan (*call center*) berpusat di CITF;
- xii. sistem MyVAC (*Malaysian Vaccine Support Volunteers*) bagi pengurusan mobilisasi sukarelawan dalam pelaksanaan program; dan
- xiii. penghantaran SMS dan panggilan telefon bagi peringatan vaksinasi antara 5 hingga 10 kali peringatan bagi setiap orang.

Seperti yang saya nyatakan dalam kenyataan media semalam, jumlah peruntukan keseluruhan RM5 bilion ini termasuklah bagi setiap perkara/item yang disenaraikan adalah had siling yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan (MOF). Walaupun jumlah akhir perbelanjaan masih belum muktamad tetapi ia tidak boleh melebihi paras siling yang telah ditetapkan.

Sebagaimana yang semua sedia maklum, PICK merupakan program imunisasi terbesar yang pernah dilaksanakan di Malaysia melibatkan sejumlah 26.5 juta orang atau bersamaan 80% keseluruhan populasi

negara. PICK akan berlangsung sepanjang tahun ini yang pastinya memerlukan sejumlah peruntukan yang mencukupi bagi membolehkan ia dilaksanakan dengan sempurna dan tersusun. Justeru, tidak timbul persoalan yang mendakwa seolah-olah peruntukan yang dibelanjakan adalah tidak berhemah.

Lindung Diri, Lindung Semua.

Khairy Jamaluddin

Menteri Penyelaras

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK)

28 April 2021